

### Soalan Formatif (Objektif)

1. Pada zaman dahulu, pengangkutan melalui jalan darat menggunakan

I gajah

II lori

III tongkang

IV kereta lembu

A I dan II

C II dan III

B I dan IV

D III dan IV

*Jawapan: B*

2. Mengapakah pengangkutan darat kurang digunakan pada zaman dahulu?

I Ancaman lanun

II Kawasan berpaya

III Barangan yang diangkut terhad

IV Mengambil masa yang lama

A I dan II

C II dan III

B I dan IV

D III dan IV

*Jawapan: D*

3. Jaringan pengangkutan darat lebih padat di pantai barat berbanding pantai timur

Semenanjung Malaysia kerana

A tumpuan kegiatan ekonomi

B taraf hidup penduduk tinggi

C bentuk muka bumi yang rata

D bebas dari ancaman banjir

*Jawapan: A*

4. Antara berikut yang manakah benar tentang pengangkutan jalan darat semasa zaman penjajahan British?

I Perkembangan jaringan keretapi dipengaruhi oleh kegiatan perindustrian

II Landasan keretapi dibina untuk mengangkut bijih timah

III Jalan raya pertama ialah jalan kereta lembu

IV Jalan raya dibina untuk menghubungkan kawasan pertanian dengan pelabuhan

A I dan II

C II dan III

B I dan IV

D III dan IV

*Jawapan: C*

5. Antara berikut, manakah pelabuhan awal yang telah dibuka oleh pihak British?

I Pelabuhan Kuala Sepetang

II Pelabuhan Sandakan

III Pelabuhan Pasir Gudang

IV Pelabuhan Pulau Pinang

A I dan II

C II dan III

B I dan IV

D III dan IV

*Jawapan: B*

6. Lebuhraya Utara-Selatan menghubungkan Johor Baharu dengan

A Grik

B Tumpat

C Gemas

D Bukit Kayu Hitam

*Jawapan: D*

7. Bandar yang manakah berkembang secara langsung kesan daripada pembinaan lebuhraya?

A Nilai

B Kuantan

C Shah Alam

D Johor Baharu

*Jawapan: A*

8. Bandar persimpangan keretapi dari pantai timur dan pantai barat Semenanjung Malaysia ialah

A Gemas

B Tumpat

C Johor Baharu

D Seremban

*Jawapan: A*

9. Apakah jenis laluan yang terdapat di kawasan pedalaman?

A Permatang

B Jalan berturap

C Jalan kaki

D Denai

*Jawapan: D*

10. Jalan keretapi pertama yang dibina di Malaysia ialah dari

A Taiping ke Port Weld

B Tapah ke Teluk Anson

C Seremban ke Port Dickson

D Beaufort ke Jesselton

*Jawapan: A*